

Persekitaran Kanak-kanak: Satu Penelitian Terhadap Novel Kanak-kanak Terpilih

Children Environment: An Analysis of Selected Children's Literature

Rohayati Junaidi

rohayatijunaidi87@yahoo.com

Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Peranan karya sastera sebagai medium menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat telah menjadi asas dalam kewujudan karya sastera. Novel kanak-kanak dihasilkan daripada persekitaran yang diambil daripada realiti kehidupan dan diolah dengan bahasa yang indah sebagai santapan pembaca. Bertitik-tolak daripada pegangan karya sastera merupakan cerminan masyarakat, perkara ini selari dengan pelbagai kes yang melibatkan kanak-kanak yang sering terpampang di dada akhbar mutakhir ini. Justeru, sebagai salah satu bidang ilmu yang turut menyumbang ke arah mendidik modal insan yang berguna, maka kajian ini dilakukan bagi menjelaskan secara kritis peranan persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak terhadap perkembangan sahsiah dan tingkah laku kanak-kanak yang dapat dilihat dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), *Umairah dan Kuda Putih* (2008) dan *Memori Atikah* (2002). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Manakala, aspek persekitaran dalam novel dianalisis dengan menggunakan kelima-lima prinsip Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986), iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem. Dapatan kajian memperlihatkan perkembangan sahsiah, tingkah laku, emosi dan akademik kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran yang berhubungan secara langsung dalam kehidupan kanak-kanak. Namun, persekitaran mikrosistem merupakan persekitaran yang paling dominan mempengaruhi kehidupan kanak-kanak. Kesimpulannya, persekitaran yang terdapat dalam novel kanak-kanak dapat dijelaskan dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) sekali gus memberi ilmu baharu kepada masyarakat dalam mendidik kanak-kanak menjadi individu yang cemerlang dalam kehidupan.

Kata kunci: Novel kanak-kanak; Teori Ekologi Bronfenbrenner; persekitaran; sahsiah; tingkah laku

ABSTRACT

The role of literary works as a medium of conveying knowledge to society has become the basis of the existence of literary works. Children's novels are derived from the environment taken from the reality of life and processed with beautiful language as a reader's meal. Reflecting on literary works is a reflection of society, this is in line with the various cases involving children who are often seen in the newspaper. Hence, as one of the areas of knowledge that contribute towards educating human capital is useful, this study is conducted to critically explain the role of the environment surrounding the lives of children towards the development and the behavior of children seen in the Suteki Da Ne Aleena (2013), Umairah dan Kuda Putih (2008) and Memori Atikah (2002). This study uses qualitative methods, namely library methods and text analysis. Meanwhile, environmental aspects in the novel were analyzed using the five principles of Bronfenbrenner's Ecological Theory (1979, 1986), namely microsystems, mesosystem, ecosystems, macrosystems and chronosystems. The findings show that the development of personality, behavior, emotion and academic of children are influenced by the environment that is directly related to the lives of children. However, microsystems are the most dominant environment to influence children's life. In conclusion, the environments found in children's novels can be explained by Bronfenbrenner's Ecological Theory (1979, 1986) thus giving new knowledge to society in educating children into a successful life.

Keywords: Children's literature; Theory Ecology Bronfenbrenner's; environment; personality; behavior

PENGENALAN

Karya sastera dihasilkan daripada realiti kehidupan masyarakat dengan tujuan memberi ilmu pengetahuan dan mendidik masyarakat. Hadijah Rahmat (1991) menjelaskan bahawa karya-karya sastera dari awal sejarah tamadun manusia lagi telah dijadikan sebagai “alat” untuk memenuhi tujuan-tujuan tertentu, seperti tujuan pendidikan mahupun tujuan politik. Justeru, pelbagai cerita dijalin dalam karya sastera untuk menggalas tanggungjawab sebagai medium untuk mendidik masyarakat. Salmah Ayob (1981) menjelaskan bahawa “sastera merupakan gambaran hidup yang diterjemahkan dengan pemikiran yang imaginatif terjalin di dalam bentuk struktur yang terkawal dan bahasa yang indah. Dalam karya sastera pembaca dapat merasai konflik-konflik, watak-watak, elemen-elemen tentang latar keadaan dan masalah-masalah manusia universal” (hlm.73).

Oleh yang demikian, dengan peranan karya sastera yang menggalas tanggungjawab mendidik masyarakat dan pelbagai kes yang membabitkan kanak-kanak mutakhir ini, maka novel kanak-kanak sebagai salah satu medium yang dekat dengan masyarakat dijadikan bahan kajian untuk mengenal pasti permasalahan yang melibatkan persekitaran kanak-kanak. Persekitaran kanak-kanak yang dilihat dalam kajian ini merangkumi ahli keluarga, guru, rakan, peraturan, budaya dan perpindahan tempat tinggal. Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012) menjelaskan bahawa, pembentukan tingkah laku seseorang dipengaruhi oleh persekitaran sosial yang terdiri daripada ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa yang diterima sepanjang kehidupan.

Justeru, dalam melihat pengaruh persekitaran terhadap perkembangan sahsiah dan tingkah laku kanak-kanak, maka persekitaran dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), *Umairah dan Kuda Putih* (2008) dan *Memori Atikah* (2002) dianalisis dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986). Ketiga-tiga buah novel kanak-kanak terpilih pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) pada tahun 2014, 2013 dan 2010. Novel kanak-kanak terpilih mengisahkan persekitaran yang melingkungi kehidupan seharian kanak-kanak dalam membentuk perkembangan tingkah laku, sahsiah dan emosi kanak-kanak.

Kajian ini menunjukkan bahawa novel kanak-kanak mampu menjadi medium dalam melihat pengaruh persekitaran terhadap perkembangan kanak-kanak. Persekitaran yang digarap dalam novel dapat menjadi panduan kepada masyarakat untuk mengenal pasti persekitaran yang mampu membangunkan modal insan yang berkembang seimbang emosi, rohani dan jasmani.

SOROTAN LITERATUR

Peranan penting kesusasteraan kanak-kanak terhadap perkembangan kanak-kanak telah mendorong kajian daripada pelbagai aspek terhadap karya kanak-kanak. Antara kajian yang telah dilakukan seperti kajian Kaithiri Arumugam dan Rohaya Md Ali (2019) yang bertajuk *Buku Kanak-kanak: Analisis Unsur Estetika* memperlihatkan peranan penting estetika genre dan estetika bahasa yang bersesuaian dengan kemampuan kognisi kanak-kanak dalam menarik minat membaca kanak-kanak. Selain itu, terdapat kajian-kajian lepas yang memperlihatkan sastera kanak-kanak memainkan peranan penting dalam perkembangan psikologi kanak-kanak seperti kajian Aras (2015), Bettina (2014), Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Salmah Ayob (1981). Kajian yang dilakukan oleh Aras (2015) menunjukkan bahawa kesusasteraan dan psikologi saling berhubung kait kerana kedua-dua bidang ilmu ini mempunyai hubungan dengan manusia dan reaksi mereka, seperti kesengsaraan, keinginan, individu dan kebimbangan sosial, namun melalui konsep, kaedah dan pendekatan yang berlainan. Bettina (2014) pula menjelaskan bahawa novel kanak-kanak bukan sahaja menyokong perkembangan emosi pembaca, tetapi juga mempengaruhi pandangan dan empati terhadap orang lain.

Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dalam kajian yang bertajuk “Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan” menunjukkan bahawa bahan bacaan sastera mampu mempengaruhi emosi dan membawa nilai-nilai moral yang mampu mendidik kanak-kanak.

Salmah Ayob (1981) dalam kajian yang bertajuk “Sastera untuk kanak-kanak: Fungsi dan Implikasinya” turut menjelaskan peranan sastera dalam kehidupan kanak-kanak. Berdasarkan kajian Salmah Ayob (1981) menunjukkan bahawa sastera kanak-kanak menjadi medium penting dalam mendidik kanak-kanak meliputi pengetahuan moral, estetika, budaya dan nilai yang mampu mempengaruhi keperibadian kanak-kanak. Kajian Aras (2015), Bettina (2014), Arba’ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011) dan Salmah Ayob (1981) memperlihatkan peranan karya sastera dalam menjadi medium pendidikan dan mempengaruhi emosi kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa karya sastera mampu menjadi fungsi dalam mempelajari emosi, tingkah laku serta menjadi penguat bahawa sastera adalah cerminan dalam mempelajari masyarakat. Bertitik-tolak daripada kajian-kajian tersebut, menjelaskan bahawa karya sastera kanak-kanak mampu menjadi medium pendidikan dalam mengenal pasti dan mempelajari persekitaran yang mempengaruhi kanak-kanak. Persekitaran dalam karya menjadi unsur penting dalam memahami persekitaran realiti kanak-kanak kerana hasil karya digarap daripada realiti kehidupan dan diolah dengan bahasa yang indah.

Justeru, dalam melihat persekitaran kanak-kanak dalam novel yang menjadi cerminan persekitaran kanak-kanak dalam dunia sebenar, Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) bersesuaian dengan fokus kajian. Hal ini kerana, Teori Ekologi Bronfenbrenner merupakan sebuah teori yang memfokuskan persekitaran kanak-kanak dalam melihat perkembangan kanak-kanak. Terdapat beberapa kajian lepas dari dalam dan luar negara yang mengaplikasikan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) dalam mengkaji persekitaran kanak-kanak. Antaranya, Stivaros (2007), Abd. Razak Zakaria (2011), Denis (2012) dan Noralina Omar (2016). Stivaros (2007) dalam kajian yang bertajuk “*An Ecological Perspective of Children’s School Experiences and Educational Outcome*” menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner dan *Socio-Cultural Theory* oleh Vygotsky’s untuk mengkaji sistem pendidikan di England dalam mempengaruhi pengalaman pendidikan dan prestasi kanak-kanak di sekolah. Kajian ini menunjukkan pentingnya interaksi persekitaran di rumah dan sekolah untuk perkembangan psikologi kanak-kanak. Abd. Razak Zakaria (2011) dalam kajian yang bertajuk “Hubungan Konteks Keluarga dengan Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-anak di Sekolah Menengah” membincangkan pentingnya penglibatan ibu bapa dengan pencapaian akademik kanak-kanak berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986 & 1992) dan Teori Sistem Keluarga Brown (1999). Melalui kajian Abd. Razak Zakaria (2011) menunjukkan ibu bapa yang berkerjaya dan tidak terlibat aktif di sekolah, tetapi mempunyai hubungan yang baik dengan anak-anak di rumah mampu melahirkan kanak-kanak yang cemerlang. Ringkasnya, berdasarkan kajian Abd. Razak Zakaria (2011) membuktikan bahawa konteks keluarga lebih berperanan dalam melahirkan anak-anak yang cemerlang dalam akademik.

Denis (2012) dalam kajian yang bertajuk “*Attention Deficit Hyperactivity Disorder and Bronfenbrenner’s Ecology of Human Development*” menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner mengkaji kanak-kanak yang bermasalah dalam tingkah laku (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) yang bermaksud Gangguan Hiperaktiviti dan Kurang Daya Tumpuan. Denis (2012) memperlihatkan perkembangan sikap dan tingkah laku kanak-kanak dipengaruhi oleh ibu bapa dan keluarga, sekolah, teknologi, media massa dan perbezaan umur kanak-kanak dalam kelas. Noralina Omar (2016) dalam kajian yang bertajuk “Ekologi Keluarga dan Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak Miskin di Malaysia” mendapati bahawa kesejahteraan hidup kanak-kanak signifikan dengan kualiti hubungan perkahwinan ibu bapa dan kualiti hubungan ibu bapa dengan kanak-kanak. Berdasarkan kajian Stivaros (2007), Abd. Razak Zakaria (2011), Denis (2012) dan Noralina Omar (2016) membuktikan persekitaran yang melingkungi kanak-kanak memainkan peranan penting terhadap perkembangan sahsiah, tingkah laku, emosi dan akademik kanak-kanak.

Rumusannya, berdasarkan kajian-kajian lepas yang menganalisis sastera kanak-kanak dari sudut psikologi memperlihatkan hubung kait antara kedua-dua bidang ini dalam mengangkat nilai-nilai kemanusiaan dalam mendidik masyarakat. Oleh hal yang demikian kerana, kajian ini akan melihat hubung kait antara kedua-dua bidang tersebut untuk memperlihatkan sastera kanak-kanak berperanan sebagai medium untuk memahami persekitaran dan menjadi saluran pendidikan dalam membentuk modal insan yang berguna. Pemilihan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) yang memfokuskan persekitaran kanak-kanak terhadap perkembangan kanak-kanak adalah selari dengan fokus kajian, iaitu

untuk melihat persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak yang terdapat dalam tiga buah novel kanak-kanak terpilih.

METODOLOGI: TEORI EKOLOGI BRONFENBRENNER (1979, 1986)

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986). Kajian kepustakaan melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan atau sumber yang berkaitan, iaitu tentang aspek psikologi, persekitaran kanak-kanak dan bahan karya sastera kanak-kanak. Sumber utama yang digunakan terdapat dalam bentuk bertulis seperti koleksi persidangan, jurnal-jurnal, latihan ilmiah, kajian sarjana dan tesis yang telah dihasilkan sarjana tempatan dan juga sarjana barat. Kaedah analisis teks melibatkan pembacaan secara teliti terhadap teks diikuti pemilihan persekitaran yang dominan. Novel kanak-kanak terpilih dianalisis dengan menggunakan prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986).

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) merupakan satu teori yang melihat perkembangan psikologi kanak-kanak dalam memberi implikasi luas untuk memahami lingkungan persekitaran berpengaruh kepada individu. Teori yang diasaskan oleh Bronfenbrenner menekankan pengaruh persekitaran terhadap perkembangan manusia. Bronfenbrenner (1979, 1986) menyatakan bahawa persekitaran kanak-kanak terdiri daripada satu sistem sosial sebagai struktur berlapis bermula dengan mereka yang terdekat dengan kehidupan kanak-kanak seperti keluarga (ibu bapa dan adik-beradik) dan beransur kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan kanak-kanak. Proses interaksi yang sentiasa berlaku secara aktif antara individu dan lingkungan seharian mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Teori Ekologi Bronfenbrenner terdiri daripada lima peringkat, iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem.

MIKROSISTEM

Mikrosistem merupakan hubungan timbal balas secara langsung antara kanak-kanak dengan persekitaran terdekat yang melingkungi kehidupan mereka. Menurut Bronfenbrenner (1979), "*A microsystem is a pattern of activities, roles, and interpersonal relations experienced by the developing person in a given setting with particular physical and material characteristics*" (hlm.22). Persekitaran yang terdekat dengan dunia kanak-kanak, iaitu interaksi yang berlaku secara bersemuka. Tempat yang menunjukkan interaksi secara bersemuka meliputi tempat tinggal, sekolah ataupun pusat jagaan kanak-kanak (*day care center*), dan taman permainan kanak-kanak (*playground*). Oleh itu, sistem mikrosistem merupakan lapisan pertama yang mewakili hubungan serta interaksi kanak-kanak dengan keluarga (ibu bapa dan adik-beradik) dan jiran yang mewakili tempat tinggal. Manakala persekitaran sekolah pula seperti hubungan dengan rakan sebaya dan guru.

"A microsystem is the complex of relations between the developing person and environment in an immediate setting containing that person (e.g., home, school, workplace, etc.). A setting is defined as a place with particular physical features in which the participants engage in particular activities in particular roles (e.g., daughter, parent, teacher, employee, etc.) for particular periods of time. The factors of place, time, physical features, activity, participant, and role constitute the elements of a setting."

(Bronfenbrenner, 1977, hlm. 514)

Berdasarkan petikan di atas, persekitaran terdekat yang pertama berdasarkan tempat tinggal, iaitu ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Oleh itu, ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang dan penjagaan yang baik memberi kesan yang berbeza

dengan ibu bapa yang membiarkan kanak-kanak tanpa pengawasan. Zarinah Arshat, Rozumah Baharuddin, Rumaya Juhari dan Rojanah Kahar (2002) berpendapat bahawa “tingkah laku keibubapaan yang berkualiti merupakan elemen penting dalam membentuk perkembangan sosioekonomi dan perkembangan kognitif anak terutama pada peringkat awal kanak-kanak” (hlm.170).

Selain itu, rakan sebaya turut menjadi aspek penting dalam persekitaran kanak-kanak kerana kanak-kanak banyak menghabiskan masa di sekolah bersama rakan-rakan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

“...rakan sebaya memberi kesan pengaruh yang sangat kuat. Perhubungan ini membentuk kemahiran kognitif, tingkah laku, sosial dan mereka semakin mahir berkomunikasi dengan rakan sebaya. Salah memilih rakan sebaya mewujudkan pelbagai masalah tingkah laku. Sebaliknya apabila rakan sebaya dipilih dengan betul, perhubungan itu menjana kejayaan seseorang anak.”

(Mohd. Sharani Ahmad, 2004, hlm. 30)

Guru juga merupakan individu yang paling dekat dengan kanak-kanak kerana sekolah merupakan tempat kedua yang paling banyak kanak-kanak habiskan masa. Oleh itu, guru merupakan individu yang bertanggungjawab mendidik atau mengajar kanak-kanak pendidikan formal dan tidak formal. Guru merupakan *role model* yang menjadi contoh kepada kanak-kanak dan turut berperanan dalam menarik minat kanak-kanak dengan suasana persekolahan.

“Guru merupakan *role model*, pengasuh dan mentor kepada kanak-kanak. Perhubungan antara guru dan kanak-kanak memberi kesan emosi dan sosial serta proses adaptasi dengan persekitaran sekolah.”

(Mohd. Sharani Ahmad, 2004, hlm. 132)

Di samping itu, jiran juga merupakan persekitaran penting dalam kehidupan kanak-kanak kerana jiran merupakan individu yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal kanak-kanak. Jiran merupakan individu kedua selepas keluarga yang akan membantu ketika dalam kesusahan. Hubungan yang baik atau sebaliknya dengan jiran memberi kesan dalam perkembangan psikologi kanak-kanak. Rumusannya, ahli keluarga, rakan, guru dan jiran merupakan individu terdekat yang melingkungi kehidupan kanak-kanak sekali gus menjalinkan hubungan khusus dengan kanak-kanak.

MESOSISTEM

Mesosistem merupakan hubungan timbal balas yang terjadi antara mikrosistem, iaitu hubungan ibu bapa dengan guru, rakan dan jiran dalam mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Menurut Bronfenbrenner (1979, hlm. 25):

“A mesosystem comprises the interrelations among two or more settings in which the developing person actively participates (such as, for a child, the relations among home, school, and neighborhood peer group; for an adult, among family, work, and social life).”

Petikan tersebut menjelaskan bahawa perhubungan antara mikrosistem dengan mikrosistem yang lain mewujudkan aspek mesosistem. Bronfenbrenner (1977, hlm. 515) menjelaskan bahawa, mesosistem dalam persekitaran kanak-kanak merupakan interaksi antara keluarga dengan guru, rakan sebaya dan jiran. Manakala, mesosistem yang melibatkan orang dewasa merangkumi skop yang lebih luas, iaitu seperti interaksi yang melibatkan tempat ibadat, kem dan tempat kerja. Mesosistem merupakan hubungan antara mikrosistem sekali gus aspek-aspek yang terdapat dalam mesosistem terdiri daripada aspek-aspek persekitaran terdekat yang terdapat dalam mikrosistem, iaitu ahli keluarga, rakan, guru dan jiran.

GABUNG JALIN MIKROSISTEM DAN MESOSISTEM

Dalam kajian ini, mikrosistem dan mesosistem digabung jalin untuk menganalisis persekitaran kanak-kanak dalam novel kanak-kanak yang terpilih. Kedua-dua sistem tersebut digabung jalin kerana

memperlihatkan aspek persekitaran yang sama, iaitu keluarga (ibu bapa, adik-beradik), jiran, rakan dan guru. Neal dan Neal (2013, hlm. 726) turut menyatakan bahawa interaksi sosial dan analisis mikrosistem akan melihat pengaruh pihak ketiga (mesosistem) dalam interaksi antara anggota seperti yang dinyatakan dalam petikan di berikut:

“Bronfenbrenner (1979) clearly defined both the microsystem and mesosystem in terms of social interactions. For example, he noted that the analysis of the microsystem ‘must take into account the indirect influence of third parties on the interaction between members of dyad’ because a focus on dyadic social interactions alone ignores the wider social context and is thus insufficient to capture the social forces bearing on the focal individual.”

Berdasarkan petikan tersebut menjelaskan bahawa kedua-dua sistem merupakan interaksi sosial yang saling berhubung kait. Analisis mikrosistem akan mengambil kira pengaruh tidak langsung dari pihak ketiga dalam interaksi antara dua individu kerana tumpuan pada interaksi sosial dua individu sahaja hanya mengabaikan konteks sosial yang lebih luas. Oleh itu, interaksi antara dua individu tidak mencukupi untuk menangkap daya sosial yang berkaitan dengan individu tumpuan.

Selain itu, Rosa dan Tudge (2013) turut menyatakan bahawa “ciri-ciri perkembangan mesosistem adalah serupa dengan mikrosistem, perbezaan utamanya ialah daripada aktiviti dan peranan interpersonal dan hubungan yang berlaku dalam satu mikrosistem, ia berlaku di seluruh tetapan” (hlm.246). Justeru faktor persekitaran yang sama dan saling bertindak balas menjadikan kedua-dua sistem ini sesuai digabung jalin. Ringkasnya, gabung jalin antara kedua-dua prinsip ini dilakukan kerana kedua-dua prinsip ini saling berkait dan berkisar tentang pengaruh persekitaran yang terdekat dan berhubung kait khusus dengan kanak-kanak.

Gabung jalin antara kedua-dua prinsip ini dinamakan sebagai Persekitaran khusus kerana kedua-dua prinsip ini melihat persekitaran yang paling dekat dan menjalinkan hubungan khusus dengan kanak-kanak, seperti ahli keluarga, rakan, guru dan jiran. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) “khusus bermaksud (jamak bagi khas) khas, istimewa (untuk seseorang atau sesuatu), tidak umum” (hlm.784).

EKOSISTEM

Ekosistem merupakan sistem ketiga dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner yang menggambarkan persekitaran yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung, tetapi kesan daripada ekosistem tersebut mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Bronfenbrenner (1979), “*The third level of the ecological environment takes us yet farther afield and evokes a hypothesis that the person’s development is profoundly affected by events occurring in settings in which the person is not even present*” (hlm.3).

Bronfenbrenner (1979) menjelaskan ekosistem terdiri daripada satu atau lebih tetapan yang tidak melibatkan orang yang sedang membangun sebagai peserta aktif tetapi kejadian atau peristiwa yang berlaku akan mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh apa yang berlaku dalam tetapan itu. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“An exosystem has been defined as consisting of one or more settings that do not involve the developing person as an active participant but in which events occur that affect, or are affected by, what happens in that setting.”

(Bronfenbrenner, 1979, hlm. 237)

Bronfenbrenner (1977) menyatakan bahawa ekosistem merupakan lanjutan dari mesosistem yang merangkumi struktur sosial yang khusus, baik formal atau pun tidak formal, yang tidak melibatkan orang yang membangun tetapi menyekat atau merangkumi tetapan segera di mana orang itu dijumpai, dan dengan itu mempengaruhi, membatasi, atau menentukan apa yang berlaku di sana. Kesimpulannya, ekosistem merangkumi peraturan dan pentadbiran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak.

MAKROSISTEM

Makrosistem bermaksud persekitaran menyeluruh atau luas yang melingkungi kehidupan kanak-kanak dan berada dalam lapisan keempat Teori Ekologi Bronfenbrenner. Bronfenbrenner (1977) menyatakan bahawa “*macrosystem refers to the overarching institutional patterns of the culture or subculture, such as the economic, social, educational, legal and political system, of which micro-, meso- and exo- systems are the concrete manifestations*” (hlm.515). Petikan tersebut menjelaskan bahawa makrosistem dapat memberi kesan ke atas mikrosistem, mesosistem dan ekosistem. Kebanyakan makrosistem adalah informal dan implisit yang wujud dalam pemikiran ahli masyarakat sebagai ideologi yang terbentuk berdasarkan adat serta kebiasaan dalam kehidupan.

Ringkasnya, makrosistem bukanlah merujuk kepada persekitaran yang khusus. Makrosistem merujuk kepada ideologi yang menyeluruh, nilai, undang-undang, pengurusan, peraturan dan adat budaya. Berk (1989) menyatakan bahawa “Keutamaan yang diberikan oleh makrosistem kepada keperluan perkembangan kanak-kanak, iaitu penting dalam menentukan pengalaman dan interaksi mereka dalam struktur alam sekitar yang lebih rendah” (hlm. 23).

KRONOSISTEM

Perubahan dalam kehidupan merupakan unsur penting dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Bertitik-tolak daripada kesedaran ini, Bronfenbrenner telah memasukkan perubahan dalam kehidupan sebagai prinsip kelima dalam Teori Ekologi yang dinamakan kronosistem. Menurut Bronfenbrenner, kronosistem merangkumi persekitaran yang meluas dan meliputi kesemua empat sistem yang lain. Bronfenbrenner (1986, hlm. 724):

“The simplest form of chronosystem focuses around a life transition. Two types of transition are usefully distinguished: normative (school entry, puberty, entering the labor force, marriage, retirement) and nonnormative (a death of severe illness in the family, divorce, moving, winning sweepstakes).”

Petikan tersebut menjelaskan bahawa kronosistem terdiri daripada dua perubahan yang berlaku dalam kehidupan kanak-kanak, iaitu perubahan normal, seperti hari pertama daftar sekolah, perkahwinan, persaraan dan sebagainya. Manakala perubahan tidak normal, seperti kematian ahli keluarga, perceraian, perpindahan dan sebagainya.

PERSEKITARAN KANAK-KANAK: SATU PENELITIAN TERHADAP NOVEL KANAK-KANAK

Persekitaran yang digarap dalam novel adalah berdasarkan realiti kehidupan sebenar yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat pembaca. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel kanak-kanak ini dapat menjadi medium dalam mempelajari persekitaran yang memainkan peranan penting dalam membentuk kanak-kanak yang seimbang sahsiah, tingkah laku dan akademik. Hadijah Rahmat (1991, hlm. 175) turut menyatakan bahawa sastera mempunyai kemampuan dan kemungkinan yang tidak terbatas, sehebat kemampuan dan kekuatan jangkauan daya akal dan deria manusia itu sendiri. Oleh yang demikian, novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) dan *Umairah dan Kuda Putih* (2008) dan *Memori Atikah* (2002) dianalisis dengan menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) untuk melihat persekitaran yang terkandung dalam novel, iaitu persekitaran khusus, sistem pendidikan, persekitaran budaya, perpindahan tempat tinggal dan kematian ahli keluarga dianalisis dalam melihat persekitaran tersebut dalam mempengaruhi perkembangan tingkah laku, sahsiah, emosi dan juga akademik kanak-kanak.

PERSEKITARAN KHUSUS DALAM NOVEL KANAK-KANAK

Persekitaran khusus merupakan gabung jalin antara mikrosistem dan mesosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) dalam menjelaskan persekitaran kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran terdekat yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan, guru dan jiran. Persekitaran khusus mengalas peranan aktif dan berhubungan secara langsung dengan kanak-kanak sama ada di rumah dan sekolah. Dalam novel kanak-kanak terpilih, persekitaran khusus yang mempengaruhi sahsiah, tingkah laku dan emosi kanak-kanak, iaitu ahli keluarga, rakan sebaya, guru dan jiran.

Ahli keluarga merupakan persekitaran yang terdekat dan berhubungan secara aktif dalam perkembangan kanak-kanak. Farra Humairah dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) menyatakan bahawa “Keluarga tetap merupakan satu komponen penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat dan seterusnya membentuk sesebuah negara” (hlm.44). Noralina Omar (2018) menjelaskan bahawa “ahli keluarga merupakan individu yang berada dalam persekitaran terdekat seseorang. Ahli keluarga terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik” (hlm.112). Menurut Burgess & Locke (1960, hlm.7) keluarga bermaksud:

“a group of persons united by the ties of marriage, blood, or adoption; constituting a single household; interacting and communicating with each other in their respective social roles of husband and wife, mother and father, son and daughter, brother and sister; and creating and maintaining a common culture”

Berdasarkan novel kanak-kanak terpilih memperlihatkan peranan yang dimainkan oleh ahli keluarga dalam mempengaruhi perkembangan sahsiah, tingkah laku, emosi dan akademik kanak-kanak. Hubungan aktif yang terjalin antara ahli keluarga dengan kanak-kanak dapat dilihat melalui sikap mengambil berat ahli keluarga terhadap perkembangan kanak-kanak di sekolah dan rumah. Contohnya dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) memperlihatkan sokongan moral dan keprihatinan ahli keluarga membantu kanak-kanak menghadapi tekanan, kecewa, kesedihan ketika dikeluarkan daripada kelas violin dan dipaksa mengikuti kelas tambahan Matematik. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: “Hai...betul pesanan abah, aku kena lebihkan masa belajar Matematiklah selepas ni!” keluh Aleena” (*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 57).

Peristiwa tersebut memperlihatkan peranan ahli keluarga dalam membantu kanak-kanak berdepan dengan kesukaran dan tekanan perasaan. Nasihat dan keprihatinan ahli keluarga dapat membantu kanak-kanak untuk berfikir rasional, memberi semangat dan motivasi kepada kanak-kanak. Rozumah Baharuddin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah Al-Hadi Muhamed & Hanina Halimatusaadiah Hamsan (2003) menjelaskan bahawa “keluarga merupakan persekitaran pertama dan utama bagi setiap kanak-kanak. Elemen dan proses interaksi dan transaksi yang wujud dalam persekitaran keluarga boleh mempengaruhi kualiti perkembangan kanak-kanak” (hlm.1).

Persekitaran ahli keluarga yang tidak menjalinkan hubungan aktif dengan kanak-kanak bukan sahaja dapat mempengaruhi perkembangan emosi kanak-kanak tetapi turut mempengaruhi hubungan sosial kanak-kanak dengan ahli keluarga. Ahli keluarga yang kurang mengambil berat, kurang berinteraksi dengan kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak kurang memiliki sentimen kasih sayang dan kemesraan dengan ahli keluarga. Dalam novel *Memori Atikah* (2002) menunjukkan hubungan ibu dengan kanak-kanak yang tidak mesra kerana kanak-kanak dibesarkan oleh nenek di kampung. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: “Memang mama belum pernah berkeras dengan aku tetapi kata-katanya yang lembut itu membuatkan hatiku semakin menjauh daripada mama” (*Memori Atikah*, 2002, hlm. 67). Kekurangan interaksi antara ahli keluarga dengan kanak-kanak mempengaruhi sikap dan layanan kanak-kanak dengan ahli keluarga.

Keadaan yang sama turut diperlihatkan dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* (2008). Berbanding novel *Memori Atikah* (2002), dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* (2008) memperlihatkan sikap ahli keluarga yang tidak pernah mengambil peduli perasaan, pergaulan dan perkembangan akademik kanak-kanak di sekolah dan juga di rumah telah mempengaruhi tingkah laku dan akademik kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Sudah lama Umairah tidak pergi sekolah agama waktu petang...”

(*Umairah dan Kuda Putih*, 2008, hlm. 8)

Nenek Tun semakin risau. Cucunya menakutkannya. Dia hendak beritahu siapa berkenaan apa yang berlaku pada Umairah? Rusdi tidak boleh diharap. Noraini? Noraini sudah lama diam.”

(*Umairah dan Kuda Putih*, 2008, hlm. 22)

Berdasarkan dua peristiwa dalam novel *Memori Atikah* (2002) dan *Umairah dan Kuda Putih* (2008) memperlihatkan bahawa ahli keluarga yang kurang mengambil berat perkembangan kanak-kanak di sekolah dan juga rumah menyebabkan kanak-kanak suka menyendiri, kurang mesra dan pelajaran terganggu sekali gus menunjukkan ahli keluarga memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Zakaria et al. (2012) menjelaskan bahawa “ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan dan membentuk asas perkembangan anak-anak untuk memperoleh pendidikan yang cemerlang dan bermutu” (hlm.163).

Selain ibu bapa, perkembangan psikologi dan akademik kanak-kanak turut dipengaruhi oleh adik beradik. Pencapaian cemerlang adik-beradik yang lain dalam akademik mampu memberi kesan positif terhadap motivasi dan semangat kanak-kanak untuk melakukan yang terbaik dalam akademik. Dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) dan *Memori Atikah* (2002) diperlihatkan peranan kakak dalam membantu meningkatkan motivasi dan semangat kanak-kanak untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam pelajaran.

“Kakaknya sentiasa cemerlang dalam pelajaran dan sentiasa mendapat A dalam setiap ujian. Apakah mungkin dirinya berasa cemburu kerana Kak Noor dapat meneruskan kelas *violin* tanpa gangguan untuk semester pertama tersebut?”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2010, hlm. 11)

“Kak Atira pun hendak jadi peguam. Aku pun mungkin boleh jadi peguam...”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 16)

Oleh yang demikian, peranan adik-beradik menjadi salah satu persekitaran terdekat yang penting dalam memupuk motivasi bagi meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak jika ahli keluarga memberikan sokongan moral dan peranan aktif untuk melihat kelebihan adik beradik sebagai motivasi yang mendorong untuk mencapai kejayaan serta memperbaiki kelemahan diri. Bronfenbrenner (1977) menjelaskan bahawa “perkembangan psikologi kanak-kanak turut dipengaruhi oleh ahli adik-beradik” (hlm.514). Hal ini kerana, adik-beradik yang menjalinkan hubungan timbal balas yang aktif dapat menjadi rujukan dan perangsang kepada kanak-kanak dalam akademik dan kehidupan seharian.

Di samping itu, dalam membantu perkembangan akademik dan sahsiah kanak-kanak, hubungan ahli keluarga dengan pihak sekolah turut membantu kecemerlangan akademik kanak-kanak. Dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) dan *Memori Atikah* (2002) memperlihatkan ahli keluarga telah datang ke sekolah untuk bertemu dan berbincang dengan guru bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Aleena teringat seminggu yang lepas, umi diminta ke sekolah untuk bertemu Mrs. Rea berbincang mengenai pencapaian Matematiknya.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 55)

“Malah mama sudah berbincang panjang lebar dengan Cikgu Mastura, guru kelasku.”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 68)

Petikan tersebut menunjukkan hubungan aktif yang terjalin antara ahli keluarga dengan guru dapat membantu kanak-kanak meningkatkan pencapaian dalam akademik. Hal ini berbeza berbanding

hubungan ahli keluarga dengan guru dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* (2008). Semasa kanak-kanak ponteng sekolah selama seminggu tidak ada tindakan yang dilakukan oleh pihak sekolah dan ahli keluarga. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa, dengan hubungan aktif antara ahli keluarga dengan pihak sekolah dapat membantu kanak-kanak meningkatkan pencapaian akademik dan keseimbangan emosi kanak-kanak. Ringkasnya, hubungan aktif antara ahli keluarga dengan pihak guru, memberi kesan positif terhadap perkembangan kanak-kanak di rumah dan juga sekolah. Bronfenbrenner (1979), iaitu “*the parent and the teacher-as partners, not competitors or strangers, in the child’s learning process*” (hlm.227).

Selain itu, hubungan kanak-kanak dengan rakan sebaya turut diperlihatkan dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), *Umairah dan Kuda Putih* (2008) dan *Memori Atikah* (2002) dalam mempengaruhi perkembangan akademik dan psikologi kanak-kanak. Kehadiran rakan dapat membantu kanak-kanak menyesuaikan diri dengan suasana baru, membantu dalam akademik dan kokurikulum. Misalnya, dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2006), pertolongan daripada rakan sebaya membantu kanak-kanak menyesuaikan diri di sekolah baharu. Selain itu, ketika kanak-kanak berasa rendah diri dan tertekan dengan kelas *violin* dan mata pelajaran Matematik, bantuan dari semangat, motivasi dan tunjuk ajar mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Dengan sokongan dan semangat yang diberikan oleh rakan-rakan, kanak-kanak berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam mata pelajaran Matematik dan kelas *violin*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan berikut:

“Sijil cemerlang ini dianugerahkan kepada Aleena Hazli kerana berjaya menamatkan kelas muzik bersama Highlander String Orchestra, Foothill Middle School.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 143)

“Sijil anugerah cemerlang ini diberikan kepada Aleena Hazli atas kejayaan beliau yang amat membanggakan.” Sijil yang bertandatangan pengetua sekolah dan juga guru Matematiknya, Mrs. Rea.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 145)

Novel *Memori Atikah* (2002) turut memperlihatkan hubungan baik dengan rakan sebaya turut mempengaruhi akademik kanak-kanak dan hubungan kanak-kanak dengan ahli keluarga. Dalam novel ini menunjukkan kanak-kanak meluangkan masa dengan rakan sebaya dengan aktiviti yang berfaedah dan saling membantu dalam pelajaran. Selain itu, dalam novel turut memperlihatkan nasihat dan pertolongan yang dihulurkan oleh rakan dapat membantu memulihkan hubungan kanak-kanak dengan ibu. Secara tidak langsung, peristiwa tersebut menunjukkan bahawa hubungan baik antara kanak-kanak dengan rakan dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik, menerima perubahan suasana dan ketika kanak-kanak menghadapi tekanan emosi.

Manakala kekurangan rakan sebaya telah memberi kesan negatif terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak. Novel *Umairah dan Kuda Putih* (2008) memperlihatkan kanak-kanak mengalami tekanan perasaan dan berkelakuan aneh. Oleh kerana tidak mempunyai rakan sebaya untuk berbual dan berkongsi cerita telah menyebabkan kanak-kanak berkawan dengan haiwan peliharaan. Di samping itu, kanak-kanak yang tidak mempunyai rakan mudah berprasangka buruk dan tidak mudah menerima kehadiran individu yang cuba untuk berkawan dengan mereka. Contohnya, Umairah meragui kebaikan dan keinginan Jaja untuk berkawan dengannya. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang kekurangan rakan sebaya menghadapi kesukaran dalam bergaul dan bersikap terbuka untuk menerima kehadiran orang lain dalam hidup mereka. Jas Laile Suzana Jaafar (2016) memperkatakan bahawa “Kanak-kanak yang kurang sahabat akan cenderung antisosial dan tidak dapat menyesuaikan diri apabila berinteraksi dengan orang lain” (hlm.143).

Seterusnya, hubungan kanak-kanak dengan guru turut memperlihatkan peranan penting dalam perkembangan emosi, sahsiah dan pencapaian akademik kanak-kanak. Guru yang menggunakan pendekatan lemah-lembut, tidak mudah berputus asa dan mempercayai kebolehan kanak-kanak mampu menanam minat kanak-kanak untuk mempelajari perkara baru. Misalnya, dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), memperlihatkan peranan guru dalam memupuk minat kanak-kanak terhadap alat muzik

violin dan juga memperbaiki kelemahan mata pelajaran Matematik. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Itu bukanlah masalah besar. Tetapi, itulah cabarannya. Saya tidak mahu awak ketinggalan dalam penyertaan yang agung ini. Awak juga tetamu penting, sama seperti rakan pemuzik yang lain!” Penerangan Mr. Morton dalam bahasa Inggeris itu amat menaikkan semangatnya untuk terus menggesek violin bersama rakan-rakan orkestranya yang lain.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 112)

Guru yang aktif membimbing, memberi tunjuk ajar dan percaya kepada kebolehan kanak-kanak dapat membantu kanak-kanak lebih bersemangat, berusaha keras dan gembira sepanjang proses pembelajaran. Dapatan memperlihatkan bahawa kepercayaan yang diberikan oleh guru menyebabkan kanak-kanak berasa dihargai, istimewa, yakin, bersemangat, dan berjaya dalam tugas yang diberikan. Ringkasnya, pendekatan yang penuh kasih sayang dan berhemah dalam hubungan dengan kanak-kanak dapat melahirkan kanak-kanak yang berkembang seimbang akademik dan sahsiah. Zakaria et al. (2012, hlm.166):

“Guru yang bersifat penyayang dan cekap menguruskan aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah akan melahirkan pelajar yang berilmu, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara”.

Berdasarkan novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), *Umairah dan Kuda Putih* (2008) dan *Memori Atikah* (2002) memperlihatkan peranan penting persekitaran khusus terhadap perkembangan tingkah laku, emosi, sahsiah dan akademik kanak-kanak. Kerjasama antara ibu bapa dan guru dapat membantu kanak-kanak meningkatkan pencapaian diri ke tahap yang lebih tinggi. Sokongan moral dan pertolongan rakan dapat membantu kanak-kanak menghadapi tekanan dan memperbaiki kelemahan dalam akademik dan kokurikulum.

SISTEM PENDIDIKAN DALAM NOVEL KANAK-KANAK

Sistem pendidikan termasuk dalam peringkat ekosistem (Bronfenbrenner, 1979, 1986). Peraturan yang digubal dalam sistem pendidikan di sekolah tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung, namun keputusan dan pelaksanaan peraturan dalam sistem pendidikan mempengaruhi perkembangan kanak-kanak (Bronfenbrenner, 1979). Aspek yang menjadi fokus kajian dalam melihat sistem pendidikan yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, iaitu sistem pemarkahan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Sistem pemarkahan yang menetapkan pelajar yang gagal mencapai keputusan yang ditetapkan oleh pihak sekolah dilarang mengikuti kelas muzik yang diminati telah memberi kesan negatif terhadap emosi kanak-kanak, iaitu mengalami tekanan perasaan, rendah diri dan kesihatan terganggu. Contohnya, dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013), pihak sekolah menetapkan markah lulus adalah 80% dan kanak-kanak yang gagal mencapai keputusan sasaran yang ditetapkan oleh pihak sekolah tidak dibenarkan menyertai kelas muzik. Selain itu, kanak-kanak dikehendaki menyertai kelas tambahan, membuat ujian penilaian setiap minggu dan diberikan kerja sekolah yang banyak sehingga tidak mempunyai masa untuk melakukan aktiviti kokurikulum bersama-sama kawan-kawan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Apa nak buat, sememangnya undang-undang sekolah di sini digubal sebegitu rupa. Tiada pilihan dan bantahan. Tiada sesiapa pun jua yang dapat mengubahnya kembali. Walau abah yang bergelar diplomat sekalipun,” bisik hatinya yang lara.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 4)

Petikan tersebut menunjukkan sistem pendidikan yang terlalu menekankan pencapaian akademik telah mempengaruhi emosi dan tingkah laku kanak-kanak, seperti mengalami kemurungan, kesedihan, menyendiri dan jatuh sakit. Hal ini kerana, kanak-kanak turut memerlukan masa untuk bermain dalam membantu perkembangan kanak-kanak yang seimbang jasmani dan mental. Bates (2002) menegaskan bahawa “bermain turut memainkan peranan penting dalam perkembangan kanak-kanak. Semasa bermain, kanak-kanak disediakan peluang untuk interaksi sosial dengan rakan sebaya. Kanak-kanak belajar kepentingan peraturan sosial dan cara untuk bersama-sama dengan orang lain melalui bermain. Semasa interaksi sosial, kanak-kanak belajar untuk menyatakan dan mengawal emosi serta menyelesaikan konflik dengan orang lain” (hlm.309 dan 310).

Manakala, aspek kemudahan teknologi yang disediakan oleh pihak sekolah dalam mempengaruhi pencapaian akademik kanak-kanak dapat dilihat dalam novel *Memori Atikah* (2002). Penyediaan komputer di sekolah bandar dan luar bandar memperlihatkan jurang yang ketara dalam sistem pendidikan yang melahirkan kanak-kanak yang berketerampilan dan berdaya saing. Kekurangan kemudahan untuk mendapatkan maklumat terkini dan mencari bahan rujukan memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Sesekali terdetik juga rasa keberuntungannya aku berada di sini kerana selain dapat menyertai Kelab Komputer, di rumah, aku sebetulnya sudah ada sebuah komputer peribadi.”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 100)

Kemudahan yang lengkap di sekolah bandar dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran kanak-kanak kerana maklumat terkini dan bahan rujukan dapat diperoleh dengan mudah dan cepat. Berdasarkan data yang diperlihatkan dalam novel memperlihatkan jurang kemudahan yang dinikmati oleh kanak-kanak di sekolah bandar dan luar bandar serta kesan negatif terhadap pencapaian akademik kanak-kanak. Mohd Salleh Lebar (1994) menyatakan “pencapaian akademik dan kemahiran kanak-kanak di kampung adalah lebih rendah daripada kanak-kanak yang berasal dari bandar. Perkara ini berlaku kerana penyediaan kemudahan untuk kanak-kanak di sekolah bandar dan luar bandar yang tidak seimbang dan menyeluruh” (hlm.76).

Selain itu, sistem pendidikan di bandar juga menyediakan kemudahan seperti kem motivasi dalam meningkatkan momentum dan usaha kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam novel *Memori Atikah* (2002), iaitu penyediaan kem motivasi dan kelas tuisyen berjaya mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Melalui penyertaan program Kem Pelajar Cemerlang yang dianjurkan oleh akhbar *Berita Utama* dapat membantu menaikkan semangat dan motivasi kanak-kanak untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan pencapaian akademik. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Aku perlu mengikuti kem itu kerana aku mahu menjadi pelajar yang cemerlang, dan lepas cuti nanti, peperiksaan setengah tahun akan berlangsung.”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 133)

Ringkasnya, pelbagai kemudahan kelengkapan seperti penyediaan kem motivasi, tuisyen dan penyediaan modul latihan dapat menaikkan semangat dan daya saing kanak-kanak untuk meningkatkan pencapaian akademik dan meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak. Selain itu, sistem pendidikan yang terlalu menekankan pencapaian akademik sehingga mengabaikan minat dan kecenderungan kanak-kanak turut memberi kesan negatif terhadap emosi kanak-kanak, iaitu berasa malu, rendah diri, tertekan, rendah keyakinan diri dan tidak berani untuk menyuarakan pendapat sekali gus mempengaruhi hubungan sosial antara kanak-kanak dengan guru dan rakan sebaya. Bronfenbrenner (1979), menyatakan bahawa kanak-kanak tidak terlibat dalam membuat keputusan, namun kanak-kanak mendapat kesan daripada keputusan atau peraturan yang dilaksanakan.

PERSEKITARAN BUDAYA DALAM NOVEL KANAK-KANAK

Persekitaran budaya yang melingkungi kehidupan kanak-kanak turut memainkan peranan penting dalam melahirkan kanak-kanak yang berkembang seimbang emosi dan tingkah laku. Menurut Rahil Mahyuddin (2002) menjelaskan bahawa “Latar belakang budaya seseorang itu banyak mempengaruhi tingkah lakunya” (hlm.3). Masinambow (1997) menyatakan “Budaya bermaksud suatu cara hidup tertentu yang terlihat dalam masyarakat” (hlm.6). Rohaty Mohd Majzub (1992) turut menyatakan bahawa “budaya atau cara hidup memberi asas atau landasan di mana kanak-kanak boleh berkembang” (hlm.170). Persekitaran budaya yang diperlihatkan dalam novel kanak-kanak terpilih, iaitu perbezaan budaya dan kepercayaan animisme.

Perbezaan budaya antara satu tempat dengan tempat lain memberi kesan terhadap kanak-kanak kerana kanak-kanak memerlukan masa yang lama untuk menerima perbezaan tersebut. Dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* diperlihatkan perubahan budaya antara masyarakat Malaysia dengan Barat. Kanak-kanak di Barat memandang Aleena dan kakaknya dengan pandangan hairan kerana tidak ada kanak-kanak lain yang memakai tudung kepala di sekolah tersebut. Perkara tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut:

Kebanyakan pelajar di situ memandangnya dengan renungan yang penuh tanda tanya. Renungan yang seolah-olah dia berpakaian seperti Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ketika berada di angkasa lepas. Ada juga yang terkejut dan menoleh dua kali. Ada yang memandangnya dari atas hingga ke bawah serta terus memerhatikannya di kejauhan untuk memuaskan mata yang dirasakan tersilap pandang.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 5 & 6)

Perubahan budaya dalam kehidupan kanak-kanak mempengaruhi sahsiah, tingkah laku dan hubungan sosial antara kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kanak-kanak yang berbeza budaya tidak mudah menerima budaya baharu dalam waktu yang singkat. Kanak-kanak yang dibesarkan dalam budaya yang berbeza menunjukkan reaksi dan pandangan yang berbeza terhadap budaya kaum lain.

Seterusnya, kepercayaan *animisme* yang melingkungi kehidupan kanak-kanak turut diperlihatkan dalam mempengaruhi tingkah laku dan sahsiah kanak-kanak. Dalam novel *Memori Atikah* (2002) memperlihatkan kanak-kanak mempercayai kewujudan Bukit Goh berasal daripada lembu jantan yang terkena sumpahan. Kepercayaan terhadap kewujudan Bukit Goh tersebut telah menjadi kepercayaan turun-temurun, iaitu diwarisi daripada moyang dan menjadi kepercayaan penduduk Kampung Jati. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“kerana menurut cerita atuk lagi, lembu itulah yang menjaga ketenteraman Kampung Jati ini. Sebab itu kata atuk, di Kampung Jati ini, padinya menjadi saban tahun, dan suasana kampung pula aman dan damai.”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 2)

Petikan tersebut memperlihatkan bahawa kepercayaan yang dipupuk dalam diri kanak-kanak mudah dipercayai dan diterima kerana kanak-kanak menerima apa yang disampaikan kepada mereka tanpa mempersoalkannya, tambahan pula jika kepercayaan disampaikan oleh daripada ahli keluarga. Rahil (2002, hlm.3) menyatakan bahawa:

“Budaya merupakan adat, kepercayaan, nilai, norma, institusi dan produk-produk komuniti yang diturunkan dan diwarisi oleh generasi-generasi seterusnya dan ini memberi impak ke atas pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang itu.”

Selain itu, terdapat pantang larang semasa di dalam hutan diperlihatkan dalam mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa kanak-kanak menghalang kawan-kawannya untuk meneruskan perjalanan kerana ada binatang melintas jalan yang dipercayai akan

membawa petanda buruk kepada urusan mereka. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut: “Orang tua-tua kata, kalau biawak melintas jalan, kita kena ambil jalan lain atau berpatah balik” (*Memori Atikah*, 2002, hlm. 60).

Kanak-kanak mudah terpengaruh dengan kepercayaan yang diberitahu kepada mereka, tambahan pula kepercayaan tersebut diberitahu oleh ahli keluarga. Kepercayaan *animisme* telah mempengaruhi perkembangan pemikiran kanak-kanak dan tingkah laku kanak-kanak, seperti bertindak secara tidak rasional dan mengurangkan keyakinan diri. Ringkasnya, persekitaran budaya dalam kehidupan kanak-kanak mempengaruhi emosi kanak-kanak seperti tertekan, rimas, segan dan malu, serta hubungan sosial kanak-kanak.

PERPINDAHAN TEMPAT TINGGAL DALAM NOVEL KANAK-KANAK

Perpindahan tempat tinggal bermaksud bertukar tempat kediaman. Bronfenbrenner (1986) menyatakan bahawa “perpindahan merupakan salah satu perubahan tidak normal yang berlaku dalam kehidupan dan memberi kesan terhadap perkembangan kanak-kanak” (hlm.724). Perpindahan yang diperlihatkan dalam novel kerana mengikut ahli keluarga.

Perpindahan tempat tinggal yang diperlihatkan dalam novel *Suteki Da Ne Aleena* (2013) dan *Umairah dan Kuda Putih* (2008) kerana mengikut pertukaran tempat kerja ayah. Kanak-kanak tidak mempunyai pilihan sama ada bersetuju atau tidak dengan perpindahan tersebut. Perpindahan tempat tinggal menyebabkan kanak-kanak merindui rakan sebaya dan haiwan peliharaan yang menjadi rakan. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Rindu yang teramat sangat kepada rakan-rakan sekolah yang tinggal setaman itu meruntun perasaannya. Tidak dapat dibendung, air matanya mengalir semula.”

(*Suteki Da Ne Aleena*, 2013, hlm. 10)

“Setiap hari Umairah mimpikan Putih. Mereka sering bercakap-cakap dan bercerita”

(*Umairah dan Kuda Putih*, 2008, hlm. 192)

Perpindahan tempat tinggal menyebabkan kanak-kanak mengalami tekanan emosi kerana terpaksa berpisah dengan rakan-rakan dan berdepan dengan persekitaran baharu yang berlainan dengan tempat tinggal yang lama. Kanak-kanak turut mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan dirinya dengan perubahan suasana yang berlaku secara tiba-tiba. Hal ini sejajar dengan pendapat Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa (2019) yang menyatakan bahawa “kanak-kanak masih mentah dan kekuatan mental masih lemah dalam menerima perubahan” (hlm.136). Secara tidak langsung, peristiwa tersebut menunjukkan bahawa perpindahan tempat tinggal mempengaruhi perkembangan emosi kanak-kanak. Ahli keluarga memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak berdepan dengan perubahan yang berlaku dalam kehidupan.

Selain itu, perpindahan tempat tinggal kerana fitnah dapat dilihat dalam novel *Umairah dan Kuda Putih* (2008). Perpindahan tempat tinggal memberikan kesan emosi, sahsiah dan tingkah laku kepada kanak-kanak kerana perpindahan tempat tinggal telah merubah persekitaran yang melingkungi kanak-kanak. Kanak-kanak terpaksa berpisah dengan kawan rapat sekali gus menyebabkan kanak-kanak mengalami tekanan emosi, seperti menangis, sedih dan tidak ada selera makan. Malahan, kesan perpindahan tempat tinggal turut diperlihatkan melalui perubahan fizikal kanak-kanak. Kanak-kanak tidak ada selera makan sehingga kelihatan cengkung. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Dia kena mengikut mereka. Badannya terasa lemah sekali.”
“Umairah tersedu-sedu menangis dan terbaring di atas jerami berdekatan Putih.”

(*Umairah dan Kuda Putih*, 2008, hlm. 163)

“Umairah kena makan, nak. Sekiranya tidak makan nanti kamu sakit. Ayah tengok wajah Umairah cengkung. Tidak suka ayam goreng? Nanti ayah beli lauk lain.”

(*Umairah dan Kuda Putih*, 2008, hlm. 193)

Bronfenbrenner (1979) menyatakan bahawa “kanak-kanak tidak terlibat dalam membuat keputusan, namun mendapat kesan daripada keputusan yang diambil oleh individu dewasa” (hlm.237). Oleh yang demikian, perpindahan tempat tinggal yang diambil oleh ahli keluarga dengan membelakangkan perasaan kanak-kanak telah menyebabkan kanak-kanak mengalami tekanan mental yang mengganggu keseluruhan perkembangan kanak-kanak, iaitu emosi dan jasmani.

Perpindahan tempat tinggal kerana prestasi akademik kanak-kanak yang merosot diperlihatkan dalam novel *Memori Atikah* (2002). Dalam novel ini dapat dilihat, perpindahan tempat tinggal kerana ibu tidak berpuas hati dengan pencapaian akademik kanak-kanak yang merosot telah menyebabkan kanak-kanak mengurung diri dalam bilik, menangis, tidak ada selera makan dan tidak mahu ke sekolah. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Seleraku memang tidak terbuka untuk menjamah makanan, walaupun pada masakan nenek yang paling aku gemari.
“Selama tiga hari itu juga aku tidak mahu ke sekolah.”

(*Memori Atikah*, 2002, hlm. 71 dan 71)

Tindakan dan sikap yang ditunjukkan oleh kanak-kanak kerana membantah keputusan ibu sekali gus menunjukkan kesan perpindahan tempat tinggal dan sekolah mempengaruhi perkembangan psikologi kanak-kanak. Perpindahan tempat tinggal telah merubah perwatakan kanak-kanak, daripada seorang kanak-kanak yang ceria, periang, suka mengusik kawan-kawannya dan berbual dengan nenek menjadi seorang kanak-kanak yang pendiam, cepat tersentuh, mudah menangis dan sensitif. Malahan, kesan perpindahan tersebut menyebabkan kanak-kanak hilang pertimbangan dan kewarasan berfikir, iaitu tidak dapat membezakan perkara yang baik atau buruk.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, persekitaran khusus yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan dan guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perkembangan sahsiah, tingkah laku, emosi dan akademik kanak-kanak. Interaksi yang kurang antara ibu bapa dengan kanak-kanak mempengaruhi layanan kanak-kanak kepada ibu bapa. Dapatan memperlihatkan bahawa kerjasama antara ibu bapa dengan guru dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan keyakinan diri kanak-kanak. Selain itu, sistem pendidikan yang terlalu menekankan pencapaian akademik sehingga mengabaikan minat kanak-kanak menyebabkan kanak-kanak tertekan, kesihatan terganggu, mengurangkan keyakinan diri, mementingkan diri sendiri dan mengganggu hubungan sosial antara kanak-kanak. Di samping itu, perpindahan tempat tinggal memberi kesan emosi kerana kanak-kanak terpaksa berpisah dengan rakan sebaya, guru dan berdepan dengan perubahan persekitaran secara keseluruhan. Tuntasnya, persekitaran yang dipaparkan dalam novel mampu dijadikan medium dalam memahami persekitaran kanak-kanak di dunia sebenar berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1986) sekali gus selari dengan peranan karya sastera sebagai medium menyampaikan ilmu pengetahuan dan mendidik masyarakat.

RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria. (2011). *Hubungan Konteks Keluarga dengan Penglibatan Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-anak di Sekolah Menengah*. [Unpublished Doctoral thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur].
- Aras, G. (2015) Personality and individual differences: Literature in psychology-psychology in literature. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 185, 250-257.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2011) Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastra. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 66-89.
- Awang Abdullah. (2002). *Memori Atikah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bates, J. W. (2002). Play. In Salkind, N.J (ed.). *Child development*. (p.309-312). New York: Macmillan Reference USA.
- Berk, L. E. (1989). *Child development*. Boston, MA: Pearson/Allyn and Bacon.
- Bettina Kummerling-Meibauer, (2014) What goes on in strangers' minds? How reading children's books affects emotional development. *Narrative Works: Issues, Investigations & Interventions*, 4 (2), 64-65.
- Bronfenbrenner, U. (1977) Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 32, 513-531.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bronfenbrenner, U. (1986) Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22, 723-742.
- Burgess, E. W. & Locke, H. J. (1960). *The family: From institution to companionship* (2nd ed.). New York, NY: American Book Company.
- Charlesworth, R. (2011). *Understanding child development* (8th. ed.). Wadsworth: Cengage Learning.
- Christensen, J. (2016) A critical reflection of Bronfenbrenner's development ecology model. *Problems of Education in the 21st Century*, 69, 22-28.
- Denis, C. M. (2012). Attention deficit hyperactivity disorder and Bronfenbrenner's ecology of human development (Georgia Southern University). Retrieved November 20, 2018 from <https://digitalcommons.georgiasouthern.edu>.
- Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2016) Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA Journal of Malay Language, Education & Literature*, 7, 35-51.
- Kaithiri Arumugam & Rohaya Md Ali, (2019) Buku kanak-kanak: Analisis unsur estetika. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 151-165.
- Kamus Dewan*. (4th ed.). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kusyi Hirdan. (2008). *Umairah dan Kuda Putih*. Selangor: PTS One Sdn. Bhd.
- Hadijah Rahmat, (1991) Sastra dan manusia Melayu baru. *Dinamika Budaya*, 175-212.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2016). *Psikologi kanak-kanak & remaja*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mass Ruhaiza Ali. (2013). *Suteki Da Ne Aleena*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. (1994). *Asas psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Sharani Ahmad. (2004). *Psikologi kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications.
- Neal, J.W. & Neal, Z. P, (2013) Nested or networked? Future directions for ecological systems theory. *Social Development*, 22 (4), 722-737.
- Noralina Omar. (2016). *Ekologi Keluarga dan Kesejahteraan Hidup Kanak-kanak Miskin di Malaysia*. [Unpublished Doctoral thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur].
- Noralina Omar. (2018). *Kesejahteraan hidup kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahil Mahyuddin. (2002). *Psikologi pendidikan untuk perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Rohaty Mohd Majzub. (1992). *Psikologi perkembangan untuk bakal guru*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa, (2019) Perubahan persekitaran mempengaruhi kanak-kanak dalam novel terpilih. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 7, 125-151.
- Rosa, E. M. & Tudge, J, (2013) Urie Bronfenbrenner's Theory of Human Development: It's Evolution from Ecology to Bioecology. *Journal of Family Theory & Review*, 5, 243-258.

- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah Al-Hadi Muhamed & Hanina Halimatusaadia Hamsan. (2003). *Keluarga dan Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-kanak*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Salmah Ayob, (1981) Sastera untuk Kanak-kanak: Fungsi dan Implikasinya. *Pendidik dan Pendidikan*, 3 (1), 73-82.
- Stivaros, H. (2007). *An Ecological Perspective of Children's School Experiences and Educational Outcome*. [Doctoral dissertation, University of Huddersfield]. Retrieved November 20, 2018 from <http://eprints.hud.ac.uk/id/eprint/959/1>.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf, (2012) Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar, (2002) Tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian tingkah laku anak dalam keluarga berisiko di luar bandar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 10 (2), 165-178.